

Rakan Kolaborasi



21-24 MAC 2016
di Penang, Malaysia

KURSUS AMT PLASTIK INJEKSI MOLDING



- Belajar tentang plastik injeksi dari pengajar kami yang berpengalaman dalam kursus intensif selama 4 hari.
- Menggunakan modul paling lengkap disusun mengikut keperluan perusahaan plastik injeksi di seluruh dunia.

DIANJURKAN OLEH

AMT SERVICES PLT (LLP0004599-LGN)
No 4, Medan Niaga Perda Fasa 2,
Jalan Serindit, 14300
Sg. Jawi, Penang, MALAYSIA

Tel : +6011-1132-8818
Fax : +604-593-2650
Email : training@amtservices.com.my
Web : www.amtservices.com.my

Deskripsi kursus

Kursus ini merupakan kursus internasional pertama kali dianjurkan AMT menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Setiap modul yang terdapat di dalamnya telah disusun rapi untuk keperluan semua perusahaan yang melibatkan plastik injeksi. Tempoh kursus adalah selama 1 minggu di Pulau Pinang, Malaysia. Pada sesi Q&A peserta boleh menanyakan sebarang soalan berkaitan plastik injeksi kepada pengajar. Pada penghujung kursus peserta akan mengaplikasikan ilmu yang telah diajar di dalam sesi praktikal. Di AMT, kami percaya proses pembelajaran itu yang terbaik ialah apabila peserta berhadapan secara langsung dengan pengajar & terlibat secara langsung dalam aplikasinya.

Objektif kursus

Program ini dirangka supaya peserta memahami perkaitan antara material, mesin injeksi, parameter mesin kepada kualiti produk yang dihasilkan. Peserta akan diajar secara terperinci pengaruh setiap parameter yang terlibat ketika molding terhadap kualiti molding. Data teknikal untuk pelbagai mesin dan material juga akan dibekalkan supaya peserta memahami teknik-teknik mendisain, menetapkan parameter dan mengekalkan kondisi molding terbaik.

Modul ini juga akan menyentuh mengenai defek atau kecacatan berlaku proses injeksi molding dan kaedah penyelesaiannya. Penyelesaian defek bolehlah didefinisikan sebagai suatu aktiviti yang dilakukan untuk mengenalpasti punca dan penyelesaian kecacatan pada produk yang dihasilkan. Ia biasanya dilakukan apabila bilangan produk rosak yang terhasil melebihi bilangan sepatutnya pada keadaan normal. Ketahui dengan terperinci apa, kenapa, bila, dimana dan bagaimana defek terhasil serta kaedah penyelesaiannya.

Siapa yang patut sertai kursus ini?

- ① Pengurus
- ② Jurutera
- ③ Kakitangan R&D
- ④ Kakitangan QC
- ⑤ Eksekutif
- ⑥ Pengajar
- ⑦ Supervisor
- ⑧ Juruteknik
- ⑨ Line Leaders
- ⑩ Kakitangan Maintenance
- ⑪ Kakitangan bahagian yang berkaitan

Kenapa anda perlu menyertai kursus ini?

- Kursus paling lengkap yang diperlukan perusahaan terlibat.
- Pengajar kami adalah pakar dengan pengalaman yang panjang di dalam plastik injeksi molding.
- Dijamin 100% memuaskan dan membantu prestasi perusahaan berdasarkan maklum balas dari program lepas.

Apa yang anda akan belajar pada penghujung kursus ini?

- Membolehkan peserta faham spesifikasi material dan metod pemilihannya untuk produk plastik.
- Peserta akan belajar dengan terperinci setiap parameter yang terlibat ketika proses molding dan kesannya terhadap kualiti molding.
- Peserta akan belajar dengan terperinci tentang apa, kenapa, bila, dimana dan bagaimana defek berlaku serta penyelesaiannya.

Modul kursus

1. Proses Injeksi Molding & Penetapan Parameter

- 1.1. Proses injeksi molding
 - ✧ (Pendedahan umum tentang proses injeksi molding & fungsi setiap parameter)
- 1.2. Prosedur penetapan parameter
 - ✧ (Langkah mengikut urutan prosedur penetapan dan bagaimana mengekalkannya menggunakan formula matematik)

2. Defek dan penyelesaian

- 2.1. Jenis-jenis defek
- 2.2. Terminologi defek
- 2.3. Kegagalan produk dan analisis defek
- 2.4. Penyelesaian defek

3. Lawatan ke perusahaan plastik tempatan

Maklumat Pengajar

Azahar Hasan, seorang graduat ijazah sarjana muda kejuruteraan mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia. Memulakan kariernya sebagai pengajar di Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST) di bawah Kementerian Sumber Tenaga Manusia pada tahun 1984. Mendapat pelbagai latihan berkaitan plastik injeksi dari pelbagai pusat latihan dan syarikat di Negara Jepun seperti Nissei School, Takahashi Seiki, Yamashita Precision, Idemitsu Chemical, Tokyo High Ploymer Centre dan beberapa tempat yang lain. Setelah berhenti dari CIAST, beliau menubuhkan AMT Services pada tahun 1999. Beliau juga terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Kemahiran untuk bahagian plastik di bawah seliaan JPK (Jabatan Pembangunan Kemahiran). Sehingga kini pengetahuan dan pengalamannya telah dikongsi kepada beribu pelajar yang datang dari pelbagai Negara, university, pusat latihan termasuk peserta dari Negara-negara ASEAN.

Maklumat Kursus

1. Yuran kursus : USD 950.00/participant
This will include the following:
 - ✧ Yuran kursus
 - ✧ Penginapan selama 4 hari 3 malam
 - ✧ Sarapan, makan tengahari, makan malam selama 4 hari 3 malam
 - ✧ Tranportasi dari penginapan ke tempat latihan
 - ✧ Lawatan berobjektif ke perusahaan plastik tempatan
2. Tempoh : 4 hari, Isnin hingga Khamis
3. Tarikh : 21 – 24 Mac 2016
4. Tempat : Japan Malaysia Technical Institute, Penang, Malaysia
5. Waktu : 9.00 am – 5.00 pm
6. Pensijilan : Sijil penyertaan dari AMT & Japan Malaysia Technical Institute (JMTi)

Prosedur pendaftaran dan pembayaran

1. Daftar dalam talian di laman web AMT
www.amtservices.com.my/kursus-plastik-injeksi
[Tekan di sini untuk ke laman mendaftar.](#)
2. Kaedah pembayaran akan dimaklumkan sebaik sahaja penyertaan dikonfirmasi.

Jadual Kursus

Time & date	9.00 – 10.30	11.00 – 1.00	1.00 – 2.00	2.00 – 3.30	3.45 – 5.00
21 Mac, (Mon)	Pendaftaran Topik 1.1	Topik 1.1	Rehat	Topik 1.2	Topik 1.2
22 Mac, (Tue)	Topik 2.1	Topik 2.2	Rehat	Praktikal	Praktikal
23 Mac, (Wed)	Topik 2.3	Topik 2.4	Rehat	Praktikal	Praktikal
24 Mac, (Thu)	Lawatan industri	Lawatan industri	Rehat	Q&A	Penyampaian sijil & penutup